



KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2
51 PERSIARAN PERDANA
PRESINT 4,
62100 PUTRAJAYA

Telefon : 03-88915556
Faks : 03-88915557
Kawat : "MINRUMAH"
Portal : www.kpkt.gov.my
E-mel : pro@kpkt.gov.my
Twitter : www.twitter.com/kpkt_gov
Facebook : www.facebook.com/KPKTMalaysia

Fail : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.42 (84)

Tarikh : 18 Disember 2013

SIARAN MEDIA

KERJA PEMBAIKAN CERUN DAN KAWALAN HAKISAN DI TAMAN PERSEKUTUAN BUKIT KIARA, KUALA LUMPUR 2013

Kuala Lumpur - Kerja-kerja pembaikan cerun dan kawalan hakisan di Taman Persekutuan Bukit Kiara dilaksanakan ekoran dari berlakunya kejadian tanah runtuh dan hakisan pada 29 Januari 2013 (rujuk gambar A) di sekitar cerun-cerun bersebelahan jalan perkhidmatan (service road) sedia ada. Kejadian tanah runtuh ini telah melibatkan berlakunya keruntuhan bongkah-bongkah batu besar yang telah jatuh ke atas jalan perkhidmatan (service road) yang berpunca dari hakisan tanah di pinggir cerun dan sekitarnya. Susulan dari kejadian tersebut, yang boleh mengancam keselamatan pengguna taman, Jabatan Landskap Negara telah mengambil langkah awal dengan melantik perunding bagi melaksanakan satu kajian pengurusan cerun yang bertujuan untuk mengenalpasti tahap kestabilan cerun di jalan perkhidmatan sedia ada bagi memastikan kejadian tanah runtuh dapat dicegah dan keselamatan pengguna taman terjamin.

Hasil dari Kajian Pengurusan Cerun yang dilaksanakan oleh perunding yang dilantik telah menunjukkan terdapatnya beberapa lokasi cerun di sekitar jalan perkhidmatan di Taman Persekutuan Bukit Kiara ini yang berisiko tinggi untuk berlaku tanah runtuh disebabkan oleh faktor semulajadi kawasan, cerun

yang curam, jenis tanah yang berpasir dan tumbuhan litup bumi yang tidak sekata. Lokasi cerun yang telah mengalami tanah runtuh juga dikenalpasti sebagai antara kawasan yang berpotensi untuk berlaku tanah runtuh susulan. Membina tembok penahan di lokasi tersebut telah dicadangkan sebagai langkah proaktif bagi mengukuhkan kestabilan cerun tersebut.

Jabatan Landskap Negara telah memulakan melaksanakan kerja-kerja pembaikan cerun dan kawalan hakisan di cerun yang telah runtuh di kejadian tanah runtuh dan hakisan yang berlaku pada 29 Januari 2013 sebagai langkah proaktif bagi menjamin keselamatan kepada pengguna taman. Cerun yang terlibat mempunyai kecerunan asal 60 darjah dan mengadungi bongkah-bongkah batu yang besar dengan kedudukan yang kurang stabil di dalam tanah tersebut. Kecerunan cerun akan dikurangkan sebagai langkah pengukuhan dan disusulkan dengan meletakkan jaring yang akan dipasang sebagai pengukuhan terhadap bongkah batu besar yang tidak dapat dialihkan di sekitar cerun tersebut. Rumput akan ditanam di permukaan cerun sebagai kawalan hakisan. Manakala sistem perparitan cerun akan dibina sebagai sistem saluran bagi mengalirkan air larian permukaan. Kerja-kerja pembaikan cerun di tapak telah dimulakan pada 17 Oktober 2013 yang lalu dan dijangka selesai pada Januari 2014.

GAMBAR A: TANAH RUNTUH PADA 29 JANUARI 2013



Keadaan cerun yang curam bderisiko tinggi kepada keruntuhan cerun akan berlaku



Terdapat bungkah batu yang besar ketika runtuh cerun belaku dan ini boleh mengancam keselamatan pengguna

GAMBAR B: KERJA-KERJA AWAL PEMBAIKAN CERUN DILAKSANAKAN



Keadaan cerun yang perlu kurangkan kecerunannya dan membuag bungkah-bungkah batu yang besar.

GAMBAR C: KERJA PEMBAIKAN CERUN YANG SEDANG DILAKSANAKAN



Kedaan cerun yang di kurangkan kecuramannya.



Kerja-kerja pemindahan tanah sedang dilakukan

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh YB Dato' Abdul Rahman Dahlan. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555

Faks : 03-8891 5557

E-mel : pro@kpkt.gov.my